



Six Thinking Hats

*Bagaimana
Ia Dapat Membantu
Kecemerlangan Pengurusan
Organisasi*

Pengenalan

'Six Thinking Hats'; model yang dicipta oleh Edward de Bono merupakan satu teknik atau instrumen yang penting dan berkesan di dalam sesebuah organisasi. Model ini digunakan di dalam membuat keputusan yang mana opsyen-opsyen keputusan dilihat dari perspektif yang berbeza. Teknik ini terbukti dalam penambahbaikan kebolehan dan kemahiran berfikir.

Apa itu Thinking Hats ?

Pemikiran tidak berstruktur atau unstructured boleh mengakibatkan keputusan yang dibuat tidak rasional; mengikut emosi, keliru serta kadangkala tidak membantu kita dalam membuat keputusan. Tanpa pelan (framework), pemikiran kreatif, amat sukar untuk membuat keputusan. Maka oleh itu, Edward de Bono telah berjaya menghasilkan satu model yang digunakan di seluruh dunia khususnya

di kalangan organisasi pendidikan dan pengurusan secara amnya.

Setiap 'topi' mewakili peranan fikiran yang akan digunakan dalam proses pemikiran. Dengan mengubah dari satu 'topi' ke satu 'topi' yang lain, ianya memberikan gambaran yang lebih luas sebagaimana kita melihat sesuatu senario dari pelbagai perspektif.

Penggunaan 'Six Thinking Hats'

Penggunaan 'Six Thinking Hats' tidak terbatas dalam mesyuarat malah teknik ini boleh digunakan oleh setiap individu. Penggunaan dalam mesyuarat akan dapat meruntuhkan benteng-benteng konfrantasi di antara individu yang mempunyai pendapat berbeza terhadap isu atau masalah yang sama. 'Six Thinking Hats' merupakan kaedah yang mudah dan praktikal dalam menangani kesukaran di dalam pemikiran kreatif.

Penggunaan 'Six Thinking Hats' dapat membantu dalam membuat keputusan di mana, teknik yang digunakan menggabungkan kaedah-kaedah yang merangkumi :

- kreativiti
- cita-cita
- kebolehan *executing*
- *public sensitivity*
- pelan kontigensi

Emotions are an important part of thinking and, in the end, all decisions and choices are made on the basis of our feelings. Emotions at the right place in thinking are essential. Emotions at the wrong place can be disastrous. The six hats method allows us to use emotions and feelings at the right place.



White Hat

Memfokus kepada data dan maklumat sedia ada. Dengan melihat maklumat sedia ada, jurang pengetahuan dapat diperbaiki atau dapat dihapuskan. 'White Hat' membolehkan seseorang untuk menganalisa corak (trend) data sedia ada serta cuba untuk membuat jangkaan berdasarkan corak tersebut. Beberapa soalan digunakan semasa 'memakai' topi ini:

- Apakah maklumat yang ada?
- Apakah maklumat yang diperlukan?
- Apakah soalan yang perlu ditanya?



Red Hat

Melihat masalah dan isu dengan menggunakan gerak hati dan emosi. Teknik 'Red Hat' juga mengambilkira pandangan orang lain atau pihak luar serta bagaimana mereka akan bertindak balas dari segi emosi. "Red Hat" membolehkan seseorang menggunakan gerak hati dan perasaan dalam membuat keputusan tanpa perlu memberikan sebarang sebab. Teknik ini bercanggah dengan kebanyakan kita yang menggunakan fikiran rasional dalam membuat sebarang keputusan.



Black Hat

Dengan menggunakan 'Black Hat', seseorang akan melihat keburukan (bad points) sesuatu masalah / isu. Masalah / isu tersebut akan dinilai dengan teliti seterusnya akan dianalisa risiko kegagalannya. Teknik ini penting kerana ia dapat mengenalpasti kelemahan-kelemahan sesuatu masalah / isu. Setelah langkah mengenalpasti kelemahan selesai, ianya dapat diatasi / dihapuskan ataupun diubahsuai kelemahan tersebut untuk menghasilkan pelan tindakan.

'Black Hat' dianggap sebagai topi yang paling berguna serta merupakan topi yang seringkali digunakan. Warna hitam melambangkan warna jubah hakim yang mana ia turut melambangkan ketelitian di dalam membuat sebarang keputusan.



Yellow Hat

Membantu pemikiran positif / optimis. Ianya merupakan pandangan optimistik yang membolehkan kita melihat kebaikan dan nilai sesuatu keputusan. Teknik pemikiran 'Yellow Hat' membantu kita untuk terus maju dengan membantu kita melihat secara positif walaupun terdapat kesukaran dalam membuat keputusan. Beberapa persoalan timbul dalam penggunaan 'Yellow Hat':

- Apakah kebaikan cadangan ini ?
- Di manakah kelebihan cadangan ini ?
- Siapakah yang akan mendapat manfaat cadangan tersebut ?
- Apakah nilai-nilai lain yang terlibat ?



Green Hat

Ianya melambangkan kreativiti. 'Topi' ini merupakan satu platform untuk mengembangkan kreativiti penyelesaian masalah. Penggunaan 'topi hijau' bertujuan untuk membolehkan kita membandingkan alternatif-alternatif penyelesaian serta variasi dalam penyelesaian sesuatu masalah / isu.

Topi ini juga kerap kali dianggap sebagai lambang tenaga, kehidupan dan perkembangan. Topi ini seperti yang telah disebutkan dapat membantu kita untuk menjana idea-idea, cadangan, proposal, serta alternatif.



Blue Hat

'Topi' ini membawa kita melihat kembali proses pemikiran dengan bertanya kepada diri sendiri:

- Apakah langkah seterusnya?
- Apakah pencapaian kita setakat ini?

Kita menggunakan 'topi' ini di setiap permulaan perbincangan bagi mendefinisi apakah pandangan/pendapat kita terhadap masalah/isu berkenaan, dan untuk membuat keputusan matlamat perbincangan yang akan dijalankan. 'Topi' ini juga merujuk kepada kawalan. Ianya digunakan oleh setiap Pengerusi mesyuarat apabila timbul sebarang kekeliruan/kesukaran dalam mengeluarkan idea dan pendapat.

Kata Kunci Bagi Menggunakan 'Topi'

Dengan menggunakan model ini, terdapat beberapa kata kunci yang perlu diingat:

- 'memakai' dan 'membuang' topi (metaphorically) membolehkan seseorang pemikir untuk menukar peranan.
- 'topi-topi' tersebut tidak bermaksud untuk memecahkan seseorang mengikut kategori

Edward de Bono's Six Thinking Hats

This isn't really an article, just something for you to think about. The concept is to look at group dynamics.

White hat - Neutral and objective, the white hat is concerned with objective facts and figures.

Red hat - Suggesting anger, rage, and emotions, the red hat offers emotional views.

Black hat - Somber, serious, cautious, and careful, the black hat points out the weaknesses in an idea.

Yellow hat - Sunny and positive, the yellow hat is optimistic and covers hope and positive thinking.

Green hat - Symbolizing grass, vegetation, abundance, and fertility, the green hat indicates creativity and new ideas.

Blue hat - Cool and symbolizing the sky which is above everything else, the blue hat is concerned with control, the organization of the thinking process, and the use of the other hats.

For more information about Edward de Bono, visit his personal Web site at: <http://www.edwdebono.com/>

Sumber : Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff / Diskusi Pagi 24

Disediakan Oleh : Norsyahiza Hamzah